

Bukan faktor kecuaian semata-mata: Pakar

Kuala Lumpur: Kes tertinggal anak dalam kenderaan bukan semata-mata berpunca faktor kecuaian sebaliknya boleh disebabkan tekanan kerja, keletihan mental dan beban emosi.

Pegawai Psikologi Kanan Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani berkata, tekanan kerja dan keletihan mental boleh menyebabkan gangguan fungsi memori jangka pendek, di mana otak beralih ke mod *autopilot*.

Menurutnya, ia adalah faktor yang barangkali mempengaruhi tindakan ibu bapa tertinggal anak di dalam kenderaan sekalipun mereka langsung tiada niat melakukannya.

“Dalam keadaan itu, seseorang boleh melakukan rutin biasa tanpa sedar niat asalnya walaupun mereka adalah ibu bapa yang penyayang dan bertanggungjawab.

“Dari sudut psikologi, kecuaian ada unsur sambil lewa atau tidak ambil peduli.

“Manakala kes tertinggal anak lebih tepat dikategorikan sebagai kegagalan fungsi memori akibat tekanan. Ini sebabnya pakar antarabangsa menekankan pencegahan sistem, bukan sekadar menyalahkan individu,” katanya kepada Harian Metro.

Siti Fatimah berkata, setiap manusia memerlukan waktu rehat yang tetap secara menyeluruh dan ia penting bagi mengelak keletihan melampau serta tekanan yang boleh memudaratkan diri juga keluarga.

Katanya, ia merangkumi tujuh jenis rehat iaitu fizikal, mental, emosi, sensori, sosial, kreatif dan kerohanian.

“Dalam erti kata lain, kita kena menerima realiti hidup menerusi konsep sayangi diri atau ‘self love’ dan belas kasihan diri (*self compassion*). Perkara ini wajib diberikan tumpuan dan perhatian bagi mengelak diri daripada lelah emosi juga lesu upaya sehingga terjejas daripada segi kecerdasan mental juga fizikal.

“Sokongan dari persekitaran sama ada secara langsung atau tidak ada-

“Manakala kes tertinggal anak lebih tepat dikategorikan sebagai kegagalan fungsi memori akibat tekanan”

Pegawai Psikologi Kanan Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani

KRONOLOGI KES KANAK-KANAK MAUT AKIBAT TERTINGGAL DALAM KENDERAAN

■ 17 FEBRUARI 2020

Bayi perempuan berusia sembilan bulan meninggal dunia akibat strok haba selepas ditinggalkan selama lebih empat jam di belakang kenderaan di Kuantan, Pahang.



■ 17 MAC 2021

Kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun 11 bulan yang tinggal di belakang kereta lebih empat jam ditemui tidak responsif dan disahkan meninggal dunia di Sungai Petani, Kedah



■ 5 OKTOBER 2023

Bayi lapan bulan meninggal dunia selepas tertinggal dalam kereta apabila ibunya meletakkan anaknya di Cheras, Kuala Lumpur.



■ 9 NOVEMBER 2023

Kanak-kanak berusia dua tahun dilaporkan meninggal dunia selepas tertinggal dalam kereta lebih tujuh jam di Ara Damansara, Selangor.



■ 24 OKTOBER 2023

Bayi perempuan berusia 16 bulan meninggal dunia selepas ditemui dalam kereta di sebuah institusi pendidikan tinggi di Kuala Nerus, Terengganu



■ 30 JANUARI 2024

Budak perempuan lima tahun dilaporkan meninggal dunia selepas tertinggal lebih beberapa jam dalam kereta ibunya yang diparkir di sebuah hospital di Shah Alam, Selangor



■ 20 OKTOBER 2025

Budak perempuan berusia empat tahun ditemui tidak sedarkan diri dalam kereta dan disahkan meninggal dunia akibat strok haba selepas tertinggal di dalam kereta oleh bapanya di Gua Musang, Kelantan.



■ 27 JANUARI 2026

Kanak-kanak lelaki berusia dua tahun dilaporkan meninggal dunia dipercayai akibat kelelahan panas selepas tertinggal di dalam kereta oleh ibu sebelum pergi kerja di Seremban, Negeri Sembilan



lah amat penting bagi menstabilkan diri serta berilmu dalam menghadapi apa saja cabaran hidup,” katanya.